

MALAYSIA BAHARU

OKTOBER 2013

Menyelami hasrat
kerajaan **Malaysia
Baharu**

Takrifan | Perspektif
Fokus



MALAYSIA BAHARU

PASCA Pilihan Raya Umum ke-14 menyaksikan sinar baharu yang muncul di ufuk langit tanah air tercinta pada fajar 10 Mei 2018. Peralihan tampuk pemerintahan negara daripada sebuah orde lama yang telah berkuasa selama 61 tahun ini membawa satu nafas baharu dalam era kepemimpinan dan kepentadbiran negara.

Buat pertama kalinya, muncul sebuah kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat telah berikrar untuk memegang amanah dalam menjalankan pentadbiran kerajaan dengan efisien, tulus, dinamik serta menyantuni rakyat. Kekuatan kerajaan yang baharu ini adalah hasil garapan di bawah satu pasukan yang berlatarbelakangkan kebijaksanaan dan pedoman “yang berpengalaman” serta semangat “orang muda” yang membara dan energetik di arus perjuangan.

TAKRIFAN

Ungkapan “Malaysia Baharu” membawa makna yang menjurus kepada tema “perubahan baru” atau boleh dikatakan sebagai “pembaharuan”.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan “baharu” boleh membawa maksud:

1. Membaiki
2. Mengulangi lagi
3. Memulakan sesuatu semula
4. Menggantikan atau menukarkan (sesuatu) dengan yang baru atau yang mempunyai tempoh kuat kuasa dan sebagainya yang baru.

Jelas di sini, “Malaysia Baharu” adalah hasil daripada usaha untuk **membaiki** apa yang telah rosak di negara ini dan untuk **mengulangi** lagi kejayaan dan pencapaian negara yang membanggakan yang pernah dicapai sebelum ini.

“Malaysia Baharu” ini juga akan **memulakan semula** langkah ke arah Malaysia yang progresif dan berwawasan dalam membina ketamadunan berperadaban tinggi selain **menggantikan** strategi-strategi orde lama dengan strategi-strategi baharu sehingga matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara hebat dan disegani rakan serantau akan tercapai.



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAYSIA BAHARU

Semasa berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-73 di New York, YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad telah menyatakan bahawasanya di dalam Malaysia Baharu ini, kerajaan komited untuk memastikan setiap daripada rakyat Malaysia akan menikmati kemakmuran dan kekayaan negara dengan perkongsian dan pembahagian yang saksama.

Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa kemunculan Malaysia Baharu ini adalah respons daripada Rakyat Malaysia yang selama ini telah muak dengan politik kebencian dan gejala rasuah yang berleluasa dan menular semasa rejim lama berkuasa. Katanya lagi, Rakyat mahukan satu Malaysia Baharu yang menjunjung prinsip-prinsip keadilan, yang mempunyai tadbir urus yang baik dan berintegriti serta menyanjung tinggi konsep kedaulatan undang-undang.

Rakyat juga mahukan Malaysia Baharu yang menjadi sahabat kepada semua pihak dan tidak bermusuhan dengan sesiapa pun. Dalam erti kata lainnya, rakyat berasrat untuk melihat Malaysia Baharu yang kekal neutral dan tidak berpihak-pihak kepada sesuatu kuasa asing, menolak peperangan dan kegana-

san serta Malaysia yang berani dalam menyatakan kebenaran dalam menolak kebatilan tanpa rasa takut atau berat sebelah.

Menurut beliau lagi, rakyat idamkan Malaysia Baharu yang berpegang teguh dengan kerjasama berasaskan prinsip saling menghormati untuk keuntungan bersama. Rakyat juga percaya bahawasanya Malaysia Baharu akan menawarkan perkongsian yang berprinsip “memakmurkan jiran” serantau. Faedah daripada kerjasama dengan jiran ini akan menjadikan mereka lebih makmur dan stabil, lantas menyumbang kepada kemakmuran dan kestabilan Malaysia sendiri.

Semasa ucapan pada Sambutan Hari Malaysia 2018, YAB Perdana Menteri turut menegaskan, Malaysia Baharu akan mengamalkan prinsip demokrasi yang berpandukan undang-undang dan menolak dengan sejauh-jauhnya kleptokrasi. Selain itu, di bawah Malaysia Baharu ini, Kerajaan akan memberikan komitmen kepada “rakan sekutu”, Sabah dan Sarawak dalam memastikan hak dan kepentingan rakyat bagi kedua wilayah itu akan senantiasa terjamin, seperti mana yang termaktub di dalam Perjanjian Malaysia 1963.



FOKUS MALAYSIA BAHARU : KABINET

1

SAIZ KABINET

Saiz Kabinet yang sederhana dan berdasarkan keperluan. Objektifnya adalah tidak melebihi 30 anggota.



2

KEPELBAGAIAN

Bagi setiap kementerian, menteri dan timbalan menteri akan dipilih dari parti-parti berlainan.

3

"MAJORITY RULE"

Kaedah membuat keputusan di dalam Kabinet berasaskan "Majority Rule" – Berasaskan kaedah ini, sesuatu keputusan yang ingin dicapai adalah berdasarkan pendapat majoriti. Sekiranya kaedah konsensus digunakan, keputusan mungkin tidak akan dapat dicapai sama sekali.

FOKUS MALAYSIA BAHARU : MEMPERHEBATKAN PEMBANTERASAN RASUAH



01

GERAKAN ANTI RASUAH

Gerakan anti rasuah di dalam kerajaan diperhebatkan untuk memastikan tiada mana-mana anggota kabinet akan terlibat langsung di dalam korupsi dan rasuah



02

POLISI HADIAH

Tiada hadiah patut diterima daripada mana-mana pihak di dalam Kerajaan melainkan hadiah yang terhad seperti makanan atau bunga yang tidak termasuk di dalam barangan yang bernilai.

FOKUS MALAYSIA BAHARU : MEMPERHEBATKAN PEMBANTERASAN RASUAH



POLISI DERMA

Segala bantuan atau derma yang didermakan kepada mana-mana pihak di dalam Kerajaan tidak boleh diterima dengan sewenang-wenangnya tanpa pengetahuan dan keizinan daripada Kabinet terlebih dahulu.



PENAKRIFAN

Penakrifan perbuatan-perbuatan yang boleh dianggap sebagai rasuah akan diperkemaskan untuk memastikan bukan sahaja penerima dihukum, malah pemberi rasuah juga akan menghadapi tindakan undang-undang.

FOKUS MALAYSIA BAHARU : **KEBEBASAN MEDIA**

KEBEBASAN BERPIHAK

A

Media dan akhbar yang berpihak kepada satu-satu organisasi tidak akan disekat asalkan laporan yang dikeluarkan oleh media tersebut mempunyai rekod rasmi

KAWALAN BERSEBAB

B

Walaupun begitu, apa-apa usaha untuk menghasut rakyat melalui media supaya berkelahi atau menimbulkan suasana tegang tidak akan dibenarkan

FOKUS MALAYSIA BAHARU : **KEBEBASAN MEDIA**

KEBEBASAN MELAPOR

C

Media juga bebas untuk melaporkan perkara-perkara yang dianggap tidak disenangi oleh kerajaan dan dijamin tiada tindakan akan diambil selagi ia tidak bertentangan dengan undang-undang

DEFINISI JELAS

D

Undang-undang yang berkaitan dengan berita palsu akan dikaji untuk menentukan definisi yang jelas bagi berita palsu supaya orang ramai serta pihak media dapat memahami dan membezakan dengan jelas apakah yang dinamakan berita palsu

FOKUS MALAYSIA BAHARU : MESRA PERNIAGAAN

PENYERTAAN TERBUKA

Dasar yang akan diguna pakai adalah dasar yang "mesra perniagaan" dengan penyertaan yang lebih terbuka.

MEMUDAHKAN PROSES

Urusan dalam mengoperasi dan memulakan perniagaan akan dipermudahkan dengan pengurangan proses yang diperlukan sebelum sesuatu perniagaan dapat dimulakan. Larangan-larangan lapuk dalam undang-undang perniagaan akan dikaji semula.



FOKUS MALAYSIA BAHARU : EKONOMI

KEBEBASAN BEREKONOMI

Kerajaan akan melihat semula undang-undang yang menyekat kebebasan untuk berniaga dan mengadakan perusahaan di dalam usaha untuk menjadikan aktiviti-aktiviti ini lebih bebas dan mudah.

TENDER TERBUKA

Kesemua projek-projek yang akan dilakukan perlu melalui sistem tender terbuka di mana ianya akan dipantau oleh pegawai-pegawai yang ditugaskan menyelidik sekiranya berlaku pertikaian di dalam pemilihan tender tersebut.

FOKUS MALAYSIA BAHARU : **EKONOMI**

GALAKAN PELABURAN

Kerajaan mengalu-alukan pelaburan dari dalam negeri dan luar negeri (foreign direct investment – FDI). Bagi FDI, ia terhad kepada membawa modal dan teknologi, mendirikan kilang dan mengeluarkan produk untuk pasaran tempatan atau eksport. Bagi projek pembangunan seperti pembinaan bandar baharu, syarikat tempatan lebih berkelayakan.

PRESTASI EKONOMI

Kerajaan akan membuat kajian mengenai prestasi ekonomi dalam negara dan akan diselidik dengan teliti untuk mengenalpasti liabiliti yang ditanggung serta mengenalpasti di manakah duit-duit hak milik kerajaan yang ada.

FOKUS MALAYSIA BAHARU : **EKONOMI**

PENYERTAAN ASING

Bagi projek-projek infrastruktur berskala besar, penyertaan asing hanya akan dibenarkan jika tiada kepakaran tempatan.

BANTERAS KECURANGAN

Kerajaan juga akan mengenalpasti sekiranya ada perbuatan-perbuatan 'curang' yang dilakukan seperti memaksa para pengusaha industri memberikan saham percuma (free share) kepada pihak-pihak tertentu.



FOKUS MALAYSIA BAHARU : “**RULE OF LAW**”

PENTADBIRAN

Kesemua gerak kerja Kerajaan dalam mentadbir kerajaan akan dijalankan dengan mengikut undang-undang yang termaktub.

LAYANAN ADIL

Kerajaan dan sesiapa sahaja akan patuh kepada undang-undang dan ianya akan dikenakan kepada sesiapa sahaja tanpa mengira pangkat, status mahupun darjat seseorang itu.


PEREMAJAN

Undang-undang sedia ada yang telah lapuk dan tidak lagi sesuai akan dikaji dan dibatalkan melalui proses-proses yang termaktub di dalam peraturan-peraturan tertentu, iaitu melalui Parlimen.

FOKUS MALAYSIA BAHARU : **KEMAKMURAN BERSAMA DAN KEAMANAN SEJAGAT**



Kerajaan komited untuk mengagihkan kekayaan negara kepada semua pihak dengan adil dan saksama



Kerajaan Persekutuan akan mengembalikan semula "status rakan sekutu" kepada Sabah dan Sarawak selaras dengan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) serta mengkaji sejauh manakah perkara di dalam MA63 dilaksanakan bagi menjaga hak dan kepentingan penduduk tempatan

FOKUS MALAYSIA BAHARU : **KEMAKMURAN BERSAMA DAN KEAMANAN SEJAGAT**



Malaysia akan kekal menjadi negara yang neutral dan berkecuali dalam usaha untuk mengelak konflik yang boleh mengancam kestabilan serantau. Malaysia juga komited dalam menolak peperangan dan keganasan dan akan kekal vokal dalam menyatakan yang benar itu benar dan yang salah itu salah tanpa pilih kasih



Malaysia berhasrat untuk memastikan jiran tetangganya terus makmur untuk kestabilan serantau. Kestabilan dan kemakmuran domestic jiran tetangga akan mengurangkan konflik rentas sempadan dan ini akan memberikan faedah kepada kemakmuran negara ini sendiri

..... KESIMPULAN



Tanah Air kita diambang perubahan yang paling hebat yang pernah dialami semenjak kemerdekaan dan pembentukan Persekutuan Malaysia. Negara ini sedang melalui fasa “tajdid” yang menuntut semua pihak berganding bahu dan berusaha bagi mencapai matlamat Malaysia Baharu. Malaysia Baharu menggariskan beberapa fokus utama kerajaan yang perlu kita semua ambil tahu.

Dengan memahami objektif dan usaha yang akan dilakukan oleh Kerajaan, kita sebagai rakyat yang cintakan negara dan tanah air seharusnya menyokong dan memberi kerjasama penuh supaya kita sama-sama dapat mengecapi nikmat di alam Malaysia yang baharu ini! -A

RUJUKAN

1. E-BOOK SESI PENERANGAN KHAS YAB TUN DR MAHATHIR MOHAMAD PERDANA MENTERI MALAYSIA. JABATAN PENERANGAN. 2018.
2. UCAPAN YAB TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD DI PERHIMPUNAN AGUNG PBB KE-73. 2018.
3. UCAPAN YAB TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD DI SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2018. 2018.